

UCAPAN PERDANA MENTERI DAN PENGE- RUSI BARISAN NASIONAL MELALUI RADIO MALAYSIA SARAWAK PADA 22HB OGOS, 1974

Saudara-saudara sekalian.

Saya sukacita kerana dapat sekali lagi berucap petang ini kepada saudara-saudara sekalian melalui Radio Malaysia Sarawak. Saya juga ingin mengucapkan terimakasih kepada saudara-saudara sekalian yang telah memberi sambutan yang begitu meriah kepada saya di Lapangan Terbang Kuching pada pagi 19hb Ogos yang lalu. Saya sangat terharu dengan sambutan ini dan saya percaya sambutan yang meriah ini adalah merupakan sokongan yang besar dari saudara-saudara sekalian kepada saya dan juga parti Barisan Nasional di Sarawak.

Sebagaimana saudara sekalian maklum, mulai daripada 24 hari-bulan ini, saudara sekalian akan keluar beramai-ramai mengundi untuk memilih wakil-wakil saudara di dalam Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan bagi negeri Sarawak.

Saudara-saudara sekalian.

Pada masa ini Malaysia termasuk Sarawak sekarang ini sedang melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan raksaksanya. Kita sekarang berada di dalam tahun yang keempat di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua negara kita dan tidak beberapa lama lagi kita akan melancarkan rancangan pembangunan Malaysia yang Ketiga pula. Rancangan Malaysia yang ketiga ini, yang akan memberi beberapa perubahan yang lebih besar kepada negara kita dan juga akan membawa kebahagiaan dan kemakmuran kepada rakyat jelata sekalian.

Oleh yang demikian pilihanraya yang sedang kita hadapi ini sangatlah penting. Kita mestilah mengadakan sebuah Kerajaan yang kuat, stabil dan bersatu padu di kedua-dua peringkat, yakni di peringkat Negeri dan juga di peringkat Persekutuan, yang akan disokong oleh seluruh rakyat dari berbagai kaum. Hanya Kerajaan seperti ini sahaja yang mempunyai kekuatan dan kebolehan untuk melaksanakan segala rancangan-rancangan pembangunan yang sangat penting kepada Negara dengan penuh dedikasi.

Sebagaimana kita sekalian maklum, dengan izin Tuhan Barisan Nasional akan menubuhkan Kerajaan Persekutuan yang baru. Setakat ini, parti ini, parti kami Barisan Nasional telahpun memenangi empat puluh tujuh kursi Parlimen tanpa bertanding. Kita hanya memerlukan kemenangan dalam tiga puluh satu buah kursi Parlimen sahaja lagi untuk mempunyai majoriti dalam Parlimen.

Dengan izin Tuhan saya yakin Barisan Nasional akan mencapai kemenangan yang gilang gemilang. Di beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia beberapa calon-calon dari parti pembangkang telahpun menarik diri menentang calon-calon Barisan Nasional berikutan dengan sokongan yang kuat dari rakyat sekalian kepada Barisan Nasional.

Di Sabah juga, kita telah memenangi lima belas daripada enam belas kursi Parlimen. Ini adalah satu contoh lagi terhadap sokongan yang kami dapati dari rakyat sekalian.

Kita juga berharap Barisan Nasional akan mendapat sokongan yang besar daripada rakyat Negeri Sarawak yang sudahpun matang dan memahami sepenuhnya perkara-perkara penting yang harus diputuskan dalam pilihanraya ini.

Perkara yang pertama yang mesti diputuskan oleh saudara-saudara sekalian ialah: adakah Saudara-saudara mahukan sebuah Kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab yang boleh diberi kepercayaan untuk menjaga keselamatan Negeri Sarawak dan melaksanakan projek-projek untuk memberi faedah kepada saudara-saudara sekalian baik yang tinggal di kawasan luar bandar mahupun di kawasan bandar. Sekiranya saudara-saudara sekalian mahukan masa depan yang baik dan bahagia ini, saudara-saudara mestilah memilih Barisan Nasional.

Kerajaan Barisan Nasional telah memerintah Negeri Sarawak dengan baik dan sempurna semenjak empat tahun yang lalu. Kerajaan Campuran Barisan Nasional ini telah mengadakan berbagai rancangan-rancangan pembangunan yang tersusun rapi bukan sahaja untuk meninggikan taraf hidup saudara-saudara sekalian bahkan untuk mencapai kejayaan sepenuhnya di bidang ekonomi dan sosial di negeri ini. Kami dalam Kerajaan Persekutuan sangatlah tertarik hati dengan rancangan-rancangan yang baik ini, dan semenjak empat tahun dahulu kami telahpun membuat peruntukan yang berjumlah lebih daripada \$800 juta untuk

membantu Kerajaan Campuran Barisan Nasional Negeri Sarawak melaksanakan segala rancangan-rancangan ini.

SNAP tidak dapat mengadakan sebuah Kerajaan seperti ini. Parti-parti di dalam Kerajaan Campuran Barisan Nasional Sarawak ialah yang bertanggungjawab untuk merangkakan segala rancangan-rancangan pembangunan yang saya sebutkan tadi. Oleh yang demikian mereka mestilah diberi peluang dan tanggungjawab untuk melaksanakan segala rancangan-rancangan ini dengan jaya.

Perkara yang kedua yang mesti diputuskan oleh saudara-saudara sekalian ialah: Kerajaan Negeri Sarawak yang manakah yang boleh bekerjasama dengan erat dengan Kerajaan Pusat yang akan ditubuhkan oleh Barisan Nasional. Jawapannya ialah Kerajaan Barisan Nasional sahajalah yang akan dapat bekerjasama dengan erat dengan Kerajaan Persekutuan yang didokong oleh Barisan Nasional, dan bukanlah Kerajaan Negeri yang didokong oleh Parti Pembangkang SNAP.

Saya ingin berterus terang dengan saudara-saudara sekalian. Kerajaan Persekutuan hanya boleh bekerjasama dengan sebuah Kerajaan Negeri yang didokong oleh Barisan Nasional di Sarawak. Kami tidak akan dapat memberi apa-apa kerjasama kepada sebuah Kerajaan Negeri yang terdiri dari parti Pembangkang yakni SNAP. Hakikat ini dapat dilihat di Pulau Pinang dan di Kelantan. Apabila Parti Gerakan menang pilihanraya di Pulau Pinang dalam tahun 1969, mereka tidak dapat menjalankan apa-apa rancangan pembangunan dengan tiada kerjasama dari Kerajaan Persekutuan. Oleh itu mereka telah masuk dalam Kerajaan Campuran dengan Perikatan. Demikianlah juga dengan Kerajaan PAS di Kelantan.

Saudara-saudara,

Kita tidak boleh mempermainkan masa depan kita dan negara kita. Rakyat Sarawak tidak lama lagi akan dapat menikmati faedah-faedah daripada Rancangan Pembangunan kita. Oleh yang demikian saudara-saudara janganlah mengenyepikan segala-gala ini dengan membuat pilihan yang salah dengan memilih sebuah Kerajaan yang tidak jujur dan tidak mempunyai apa-apa pengalaman.

Kami di dalam Kerajaan Persekutuan tidak dapat bekerjasama dengan SNAP yang dipimpin oleh James Wong yang kesetiannya

terhadap Malaysia dan Sarawak belum lagi dapat dipastikan. Beliau juga belum lagi menyatakan tentangan beliau terhadap tuntutan Brunei ke atas Limbang. Dengan ini bermakna beliau tidak mempunyai pendirian yang tegas terhadap kedaulatan Sarawak dan Malaysia.

Sebagaimana saya katakan tadi soal-soal yang ditimbulkan dalam Pilihanraya ini adalah penting. Malaysia ialah sebuah Negara berbilang bangsa dan perpaduan kaum adalah menjadi asas kepada keamanan dan kestabilan negara kita. Oleh yang demikian Perpaduan Negara adalah lebih penting daripada pembangkang.

Perpaduan Negara hanya akan dapat dicapai dengan cara mengundi sebuah Kerajaan Kebangsaan yang terdiri dari berbagai kaum. Hanya sebuah kerajaan seperti ini sahajalah yang akan dapat mengekalkan keamanan serta kemakmuran di Malaysia termasuk Sarawak.

Hakikat ini telah ternyata, dengan kejayaan Kerajaan Campuran membawa keamanan di Sarawak. Kerajaan Campuran ini di bawah panji-panji SRI AMAN telah berjaya menarik lebih daripada 85% daripada anasir-anasir anti-nasional keluar dari hutan dan balik ke pangkuan masyarakat. Perbuatan mereka ini telah mematahkan perjuangan mereka itu yang tidak berguna dan sia-sia.

Beginilah cara sebuah Kerajaan Nasional yang berbilang kaum mentadbir negara, dan sekarang saudara-saudara mempunyai peluang sekali lagi untuk memilih semula kerajaan ini dengan cara mengundi Barisan Nasional di Sarawak. Janganlah sia-siakan peluang ini. Janganlah membazirkan undi saudara-saudara yang sangat mustahak kepada saudara dan negara dengan cara memberikan undi itu kepada pihak pembangkang yang akan membawa kerugian kepada saudara-saudara sekalian.

Hanya Barisan Nasional sahajalah yang akan dapat memberi kepada saudara-saudara sebuah kerajaan yang berdedikasi, bertanggungjawab serta berkebolehan untuk menjayakan segala matalamat pembangunan.

Sekiranya saudara-saudara inginkan Sarawak terus maju dan makmur, saudara-saudara adalah bertanggungjawab untuk mengundi Barisan Nasional di Sarawak. Gunakanlah undi saudara-saudara untuk menunjukkan kematangan politik saudara.

Gunakanlah undi-undi saudara dengan cermat untuk menjamin masa depan yang cemerlang bagi saudara dan anak cucu saudara.

Terimakasih. Selamat Malam.